

PM adakan pertemuan dengan pengurusan Google

Lima, Peru: Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan pertemuan dengan syarikat teknologi gergasi Google, semasa Sidang Kemuncak APEC 2024 di Lima, Peru.

Fokus utama perbincangan mengenai pemerksaan ekosistem kecerdasan buatan (AI) dan pembangunan pusat data, dua elemen penting yang akan memainkan peranan besar dalam memperkukuh ekonomi digital negara.

Dalam kenyataan dalam media sosial selepas perbincangan itu, Perdana Menteri menegaskan aspek peraturan dan undang-undang berkaitan dengan AI dan pusat data perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

"Aspek pemerksaan ekosistem AI dan pusat data perlu diberi perhatian lebih-lebih lagi mengenai soal peraturan dan undang-undang yang berkaitan, bagi mengelakkan berlakunya ketirisan data serta eksploitasi ke arah keburukan," katanya.

Perdana Menteri turut mengarahkan kementerian berkaitan untuk mengambil tindakan segera bagi memastikan isu itu dapat dikawal dengan berkesan, demi menjaga keselamatan data negara.

Pada Mei lalu, Google menyatakan komitmen untuk melabur RM9.4 bilion (AS\$2 bilion) untuk

mewujudkan pusat data pertama dan wilayah Google Cloud di Malaysia dengan Elmina Business Park milik Sime Darby Property Bhd di Greater Kuala Lumpur menjadi tempat pilihan.

Komitmen pelaburan baharu Google itu dijangka menyokong 26,500 pekerjaan merentasi pelbagai sektor di Malaysia termasuk penjagaan kesihatan, pendidikan dan kewangan dengan limpahan ekonomi bernilai RM15.04 bilion (AS\$3.2 bilion).

Wilayah Google Cloud di Malaysia akan menyertai 40 wilayah dan 121 zon yang kini beroperasi di seluruh dunia bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap perkhidmatan awan di peringkat tempatan dan global, selain program celik AI untuk pelajar serta pendidik Malaysia.

Sementara itu, Perdana Menteri juga menyertai sesi makan tengah hari yang dihoskan oleh Pengerusi Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) Malaysia, Datuk Ruben Emir Gnalingam, selepas selesai menjadi seorang ahli panel pada forum bertemakan "Peluang dan Cabaran dalam Revolusi AI".

Dalam sesi makan tengah hari itu, Perdana Menteri bertukar-tukar pandangan dengan pemimpin perniagaan dalam kalangan negara Ekonomi APEC,



Anwar mengadakan pertemuan dengan Ketua Hal Ehwal Kerajaan dan Dasar Awam Global Google, Karan Bhatia di Lima, semalam yang turut dihadiri Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

(Foto BERNAMA)

sambil berkongsi aspirasi Malaysia dalam hal perdagangan dan pelaburan.

Beliau juga mengajak pemimpin perniagaan untuk melabur di Malaysia dengan menekankan dasar Kerajaan MADANI

yang jelas serta penekanan terhadap memudahkan proses perniagaan.

"Dasar ini menjadikan ekosistem perniagaan di Malaysia lebih kompetitif," katanya.

Perdana Menteri turut mene-

gaskan komitmen Malaysia dalam memudahkan cara perniagaan dan menggalakkan pelaburan akan terus diperkuat, agar negara menjadi tempat tumpuan utama pelaburan dalam kalangan negara Asia Pasifik.